

# Dr. Mahathir nampak agenda Israel

m/s: 17

UM - 25/1/2019

**P**ENYERTAAN atlet Israel dalam Kejohanan Renang Para Dunia di Sarawak pada Julai tahun ini adalah percubaan menguji ketegasan Malaysia.

Kalau tidak dihalang, itu satu 'kemenangan' dan Malaysia yang sangat lantang di forum antarabangsa sebagai anti-Israel sudah kendur. Apa lagi kerajaan sebelum ini sangat akrab dengan 'bapa tiri' Israel, Amerika Syarikat (AS).

Kita jangan lupa Dr. Mahathir sudah lama muncul sebagai wira dari Timur yang membawa suara anti-Israel, bukan kerana namanya tetapi jenayahnya. Israel satu bangsa yang sangat jelas jenayah dan kejahatannya.

Maka sekiranya atlet itu dilepaskan masuk, ini akan memberikan isyarat yang buruk kepada negara. Ketegasan Dr. Mahathir menghalang kemasukan atlet Israel itu bukannyaimbang umat Islam akan 'dijahudikan'. Bukan.

Malah tidak juga menunjukkan orang Islam di sini paranoid melulu terhadap Yahudi. Tetapi Malaysia menghalang kerana atlet itu akan memberikan makna kemenangan moral kepada Israel.

Bagaimanapun sesetengah pemimpin sukan sangat lurus bendul dan tidak dapat membaca isyarat-isyarat dalam konteks politik dan diplomatik. Mereka kononnya sangat murni dan kurang prasangka kerana jumud dalam soal perang psikologi.

Misalnya Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Nazifuddin Najib dilaporkan berkata, tindakan kerajaan itu boleh menyebabkan Malaysia hilang peluang untuk menganjurkan Kejohanan Renang Para Dunia. Malah akan menjejaskan hubungan dengan badan sukan dunia. Itu sahaja yang difikirkannya. Sangat cetek.

Barangkali beliau sangat naif soal diplomatik. Malaysia tidak pernah mengiktirafkan negara Israel. Penyertaan atlet itu mewakili negaranya, apabila menerima maknanya kita mengiktiraf Israel sebagai negara walaupun dicuri dari Palestin.

Nazifuddin tidak melihat apa yang Dr. Mahathir nampak. Dia melihat hal



**Dari Puncak**

KU SEMAN KU HUSSAIN

## Malaysian PM: I made 'hook-nose Jews' remark as Israel has done 'wrong things'

Elderly leader speaks at the prestigious Oxford Union where he was challenged over previous remarks, but insists it is unfair to call me antisemitic

By JEWISH NEWS REPORTER

January 21, 2019 10:21 am



Dr Mahathir Mohamed speaking at the Oxford Union

Malaysian Prime Minister Mahathir Mohamed has told Oxford students that he denied visas to disabled Israeli athletes and made comments about "hook-nosed" Jews because he feels Israel has done "wrong things".

Dr Mohamed, 95, was speaking in the prestigious Oxford Union debating chamber where opponents have heard from - and challenged - other

**TANGKAP** layar akhbar dalam talian, *The Jewish News* berkaitan komen Dr. Mahathir Mohamad mengenai Israel ketika lawatan ke Oxford, United Kingdom, baru-baru ini.



"Nazifuddin tidak melihat apa yang Dr. Mahathir nampak. Dia melihat hal luaran mengenai atlet Israel itu dari sudut pandang yang sempit."

luaran mengenai atlet Israel dari sudut pandang sempit.

Maka tidak hairanlah perihal peluang menganjurkan kejohanan antarabangsa itu satu perkara yang besar. Tidak ke manalah kita kalau begini cara berfikirnya.

Semangat kesukanan? Mana ada. Frasa muluk-muluk itu dicipta oleh kapitalis Barat untuk menyihir negara-negara dunia ketiga. Tidak ada semangat kesukanan melalui acara sukan. Semua itu mengarut. Hanya burung kakak tua sahaja yang mengajuk-ajuk frasa muluk-muluk itu.

Sebab itulah Israel

bersusah payah menghantar atletnya ke Malaysia kerana agendanya bukan semangat kesukanan. Main sepak raga bulatan di kampung pun belum tentu ada semangat kesukanan,

inikan acara yang membawa sentimen negara dan bangsa.

Maka pendirian Malaysia menghalang atlet itu sangat tepat sekalipun banyak pihak belum mampu 'membaca' makna-makna tersirat Israel.

Semasa di Oxford, United Kingdom baru-baru ini, misalnya tanpa berbasa basi Dr. Mahathir mengulangi penegasan bahawa Israel penjenayah dan kita menolak penjenayah.

Atlet Israel itu bukan sekadar atlet dan ini telah dibuktikan apabila masyarakat Yahudi menyambut kedatangan Dr. Mahathir di Oxford dengan kritikan keras.

Ini disebalkan oleh tindakan Dr. Mahathir melarang atlet Israel menyertai kejohanan renang antarabangsa itu. Kumpulan itu juga mempersoalkan langkah Kesatuan Oxford mengundang Dr. Mahathir yang dilabelkan anti-Yahudi memberikan syarahan di situ.

Malah Presiden Kesatuan Oxford, Daniel Wilkinson sendiri mengajukan beberapa soalan sekali gus mempertikaikan pendirian Malaysia menghalang penyertaan atlet Israel itu.

Tentulah kalau melihat dengan mata fikir yang jumud, tidak munasabah isu seorang atlet dilarang menyertai acara sukan diperbesarkan hingga menjadi isu dunia. Tetapi seperti yang ditegaskan tadi, ini agenda untuk menguji ketegasan pendirian Malaysia dalam isu Israel.

Kita wajib membaca subteks dari teks. Begitulah cara berfikir yang kita perlukan.